



UNIVERSITI
MALAYA

**GARIS PANDUAN
PROGRAM KOMUNITI UNIVERSITI MALAYA
(TIER 3)**

INISITIF KHIDMAT KOMUNITI MAMPAN (IKOM)

Edisi pertama 2026

oleh Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares), Universiti Malaya

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang dan penerbit, kecuali dalam hal petikan ringkas terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta. Untuk permintaan kebenaran, tulis kepada:

Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)
Aras 6, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
(KPPI), Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur,
MALAYSIA
umcares@um.edu.my

PERKARA	MUKA SURAT
LATAR BELAKANG	4
PENGENALAN	4
OBJEKTIF	5
PRINSIP	5
MEKANISME PELAKSANAAN	6
SKOP AKTIVITI	7
PROSEDUR PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN	8
SKOP PERUNTUKAN DAN TATACARA KEWANGAN	9

1) LATAR BELAKANG

Universiti Malaya (UM), sebagai institusi pengajian tinggi terkemuka di Malaysia, memikul tanggungjawab besar dalam menerajui kecemerlangan akademik dan kepimpinan sosial yang berimpak. Dalam mendepani cabaran global yang dinamik, UM komited untuk melahirkan warga kampus—merangkumi pelajar dan kakitangan—yang bukan sahaja pakar dalam bidang masing-masing, tetapi juga memiliki empati tinggi serta tanggungjawab sosial yang mendalam.

Bagi merealisasikan hasrat ini, aktiviti kemasyarakatan telah dikenal pasti sebagai wahana utama untuk memperkasakan sahsiah, kemahiran insaniah, dan nilai kepimpinan yang syumul. Program komuniti tidak lagi dilihat sebagai aktiviti sampingan pelajar semata-mata, sebaliknya merupakan satu platform sinergi strategik di mana staf dan pelajar dapat menggembelng tenaga, kepakaran, dan sumber untuk memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat.

Inisiatif Khidmat Komuniti Mampan (IKOM) diperkenalkan sebagai satu kerangka kerja yang menyeluruh bagi memastikan setiap aktiviti kemasyarakatan dijalankan secara sistematik, profesional, dan berimpak tinggi. Garis panduan ini diwujudkan untuk menyediakan hala tuju yang jelas, selaras dengan visi universiti untuk meningkatkan keterlihatan UM di peringkat akar umbi. Melalui IKOM, khidmat bakti dapat diperkukuhkan, sekali gus membina hubungan yang lebih erat dan lestari antara Universiti Malaya dengan komuniti setempat serta pemegang taruh.

Diharapkan dengan adanya inisiatif ini, seluruh warga kampus akan lebih terdorong untuk membudayakan semangat kesukarelawanan yang mampan, menjadikan UM sebagai pusat kecemerlangan yang benar-benar memberi manfaat kepada negara dan kemanusiaan.

2) PENGENALAN

Aktiviti kemasyarakatan merupakan tunjang utama dalam pembentukan watak dan budaya kerja cemerlang bagi seluruh warga Universiti Malaya (UM). Penglibatan aktif dalam khidmat komuniti bukan sahaja memperkasakan sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar, malah menjadi wadah bagi kakitangan untuk menterjemahkan kepakaran serta pengalaman mereka dalam bentuk bakti yang nyata. Melalui sinergi antara pelajar dan staf, UM mampu menyumbang secara holistik kepada kesejahteraan masyarakat, sekali gus memupuk nilai kepimpinan, empati, dan semangat kerjasama yang kental.

Inisiatif Khidmat Komuniti Mampan (IKOM) diwujudkan sebagai rangka kerja strategik untuk menyelaraskan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan yang lebih sistematik dan berimpak tinggi di peringkat universiti. Garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan utama bagi memastikan setiap program yang dianjurkan bukan sahaja bersifat bermusim, tetapi mempunyai kelestarian yang mampu memberi manfaat berpanjangan kepada semua pihak.

3) OBJEKTIF

Objektif utama garis panduan Inisiatif Khidmat Komuniti Mampan (IKOM) adalah untuk:

- a) Menyemarakkan Budaya Kesukarelawanan Warga UM - Mendorong penglibatan aktif pelajar dan staf dalam aktiviti kebajikan dan khidmat sosial bagi memupuk nilai empati serta tanggungjawab sivik yang tinggi dalam kehidupan seharian.
- b) Memperkukuh Hubungan Akrab Universiti-Komuniti - Menyediakan platform untuk warga universiti berinteraksi secara langsung dengan masyarakat setempat, sekali gus merapatkan jurang sosial melalui aktiviti khidmat komuniti yang inklusif.
- c) Menjamin Kelestarian dan Impak Khidmat Sosial - Memastikan program khidmat komuniti yang dilaksanakan tidak bersifat sementara, tetapi dirancang secara teratur agar memberi manfaat yang nyata dan berterusan kepada pihak yang memerlukan.
- d) Meningkatkan Profil UM dalam Khidmat Masyarakat - Meletakkan Universiti Malaya sebagai institusi yang prihatin dan responsif terhadap keperluan komuniti melalui pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan yang berimpak tinggi dan meluas.

4) PRINSIP

- a) Inklusiviti Menyeluruh
 - i) Keterbukaan Warga: Membuka ruang seluas-luasnya kepada seluruh pelajar dan staf daripada pelbagai latar belakang untuk menyumbang tenaga tanpa sebarang diskriminasi.
 - ii) Kebersamaan: Memastikan setiap aktiviti yang dirancang meraikan kepelbagaian dan memupuk semangat setiakawan antara warga universiti dengan komuniti sasaran.
- b) Kelestarian Impak
 - i) Manfaat Berpanjangan: Setiap inisiatif bukan sekadar aktiviti "sekali lalu", tetapi dirancang untuk memberi kesan positif yang mendalam dan berkekalan kepada komuniti.
 - ii) Pemerkasaan Komuniti: Mendorong warga UM untuk merancang aktiviti yang mampu membina kemandirian komuniti, supaya manfaat program tetap berterusan walaupun projek telah tamat.
- c) Kreativiti dan Inovasi Sosial
 - i) Pendekatan Segar: Menggalakkan warga UM berfikir di luar kotak dalam mencari kaedah khidmat komuniti yang lebih menarik, efektif, dan relevan dengan keperluan semasa.
 - ii) Ruang Eksperimentasi: Memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk menguji idea-idea baharu yang kreatif dalam menyelesaikan isu sosial, serta menjadikan setiap cabaran sebagai proses pembelajaran yang matang.

- d) Integriti dan Etika Khidmat
- i) Amanah dalam Bakti: Memastikan setiap warga yang terlibat menjalankan khidmat komuniti dengan penuh integriti, menjaga nama baik universiti, serta menghormati nilai dan norma budaya masyarakat setempat.

5) MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan impak yang positif dan lestari kepada komuniti, setiap entiti/organisasi warga UM dikehendaki merancang dan mengemukakan projek khidmat komuniti kepada pihak UMCares mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

- a) 1. Penglibatan Warga Kampus
- i) **Kolaborasi Pelajar & Staf:** Setiap projek harus melibatkan penyertaan aktif daripada pelajar dan staf dalam semua fasa pelaksanaan yang merangkumi perancangan, pelaksanaan, dan penilaian.
 - ii) **Inklusiviti & Kepelbagaian:** Penglibatan warga daripada pelbagai latar belakang sangat digalakkan bagi menjamin kepelbagaian perspektif serta membina semangat perpaduan yang utuh.
 - iii) **Mobilisasi Massa:** Mensasarkan penyertaan warga kampus yang optimum bagi memastikan capaian aktiviti khidmat komuniti yang lebih meluas.
- b) Komuniti Penerima Manfaat & Lokasi Projek
- i) Analisis Keperluan: Setiap projek wajib berasaskan keperluan sebenar komuniti yang dikenal pasti melalui kajian lapangan, pemerhatian awal, atau sesi libat urus bersama ketua komuniti.
 - ii) Penyelarasan Zon: Lokasi pelaksanaan projek akan diselaraskan oleh pihak UMCares mengikut pembahagian zon berikut:

Zon Tengah	W.P. Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan & Melaka.
Zon Timur	Kelantan, Terengganu & Pahang.
Zon Selatan	Johor
Zon Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak
Zon Borneo	Sabah, Sarawak dan Labuan.

- c) Elemen Khidmat Masyarakat
- i) Setiap projek hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya:
 - (1) Satu (1) sesi **perkongsian kemahiran atau nilai**: Sama ada daripada warga UM kepada komuniti atau melalui pembelajaran dua hala.
 - (2) Satu (1) **aktiviti khidmat masyarakat fizikal**: Dijalankan secara bersama-sama dengan penduduk atau komuniti setempat di lokasi.
 - ii) **Penyeliaan**: Pelibatan fasilitator atau penyelaras yang berpengalaman diperlukan bagi memastikan kelancaran dan kualiti aktiviti di lapangan.

- d) Kerjasama Strategik
 - i) Sinergi **Rakan Kerjasama**: Projek amat digalakkan untuk melibatkan kerjasama dengan Alumni UM, NGO, agensi kerajaan, atau sektor swasta bagi meningkatkan kapasiti program.
 - ii) Bukti Kolaborasi: Setiap kerjasama perlu disertakan dengan dokumen sokongan sama ada dalam bentuk sumbangan kewangan, tajaan barangan, atau tenaga kerja.
- e) Keterlihatan Projek (Visibility)
 - i) **Promosi Aktif**: Projek perlu dipromosikan melalui media tradisional dan platform digital rasmi organisasi masing-masing dengan kerjasama UMCares.
 - ii) **Impak Visual**: Penggunaan hashtag rasmi #IKOM dan #UMCares di media sosial untuk tujuan pemantauan keterlihatan.
 - iii) **Majlis Simbolik**: Penganjuran majlis perasmian atau penutup yang melibatkan pihak pengurusan Universiti Malaya dan rakan strategik hendaklah dimaklumkan lebih awal kepada UMCares.
- f) Dokumentasi & Tempoh Pelaksanaan
 - i) **Laporan Lengkap**: Setiap projek wajib disertakan dokumentasi yang mengandungi video montaj, gambar aktiviti, laporan impak, serta borang pengesahan penglibatan daripada komuniti.
 - ii) **Tahun Semasa**: Semua projek wajib dilaksanakan dalam tahun semasa. Tempoh pelaksanaan adalah fleksibel mengikut kesesuaian jadual akademik dan perkhidmatan, tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan.

6) SKOP AKTIVITI

Setiap projek yang dirancang haruslah menjurus kepada salah satu daripada skop utama berikut:

- a) **Kesihatan dan Kesejahteraan** - Fokus kepada peningkatan kualiti hidup dan kesedaran kesihatan komuniti.
- b) **Pendidikan Berkualiti** - Fokus kepada sokongan pembelajaran dan pembangunan modal insan komuniti.
- c) **Kelestarian** - Fokus kepada pemeliharaan ekosistem dan pengurusan sumber yang bertanggungjawab.
- d) **Kewangan dan Ekonomi** - Fokus kepada pengupayaan ekonomi setempat dan literasi kewangan asas.

7) PROSEDUR PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN IKOM

a) Permohonan Aktiviti

- i) **Peringkat Awal:** Warga UM (pelajar atau staf) perlu mengemukakan cadangan projek kepada ketua jabatan, dekan fakulti, atau pengetua kolej kediaman masing-masing untuk pertimbangan awal di peringkat organisasi.
- ii) **Keperluan Cadangan:** Setiap kertas kerja cadangan hendaklah mengandungi maklumat asas berikut:
 - (1) Objektif projek yang jelas.
 - (2) Profil sasaran komuniti.
 - (3) Pelan pelaksanaan dan jadual kerja.
 - (4) Anggaran kos dan sumber kewangan.
- iii) **Format Permohonan:** Pemohon wajib mengisi Borang Permohonan rasmi mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak UMCares.
- iv) **Penghantaran:** Cadangan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui e-mel ke umcares@um.edu.my.
- v) **Penilaian:** Semua cadangan akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh UMCares. Pemohon mungkin akan dipanggil untuk sesi pembentangan cadangan sekiranya perlu bagi tujuan penambahbaikan impak projek.

b) Pelaksanaan Aktiviti

- i) **Tempoh Masa:** Aktiviti perlu dilaksanakan mengikut garis masa yang telah diluluskan dengan pemantauan oleh pihak pengurusan organisasi pemohon (Fakulti/Jabatan/Kolej).
- ii) **Dokumentasi Lapangan:** Sepanjang pelaksanaan, semua fasa aktiviti perlu didokumentasikan secara lengkap dalam bentuk rakaman gambar, video, dan testimoni komuniti untuk tujuan pelaporan dan publisiti universiti.

c) Pelaporan : Laporan akhir projek yang komprehensif mesti disediakan dan dihantar kepada UMCares dalam tempoh **30 hari** selepas aktiviti selesai. Laporan tersebut perlu merangkumi:

- i) **Ringkasan Pelaksanaan:** Gambaran keseluruhan perjalanan aktiviti.
- ii) **Hasil & Pencapaian:** Perbandingan antara objektif asal dengan hasil sebenar yang dicapai di lapangan.
- iii) **Impak Inisiatif:** Penilaian terhadap keberkesanan projek kepada komuniti dan sumbangannya terhadap pembangunan nilai kesukarelawanan warga UM.

8) SKOP PERUNTUKAN DAN TATACARA KEWANGAN

Bagi menyokong pelaksanaan projek komuniti yang berimpak tinggi, saluran dana disediakan untuk menyokong inisiatif warga kampus melalui peruntukan **Dana OCAR** (atau peruntukan berkaitan yang ditetapkan).

a) Pecahan Maksimum Peruntukan Mengikut Zon

Jumlah permohonan dan kelulusan dana adalah berdasarkan lokasi pelaksanaan projek bagi menampung kos logistik dan pengoperasian mengikut zon yang ditetapkan:

ZON	NEGERI / WILAYAH	HAD MAKSIMUM PERMOHONAN
Zon Tengah	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan & Melaka	RM 7,000
Zon Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak	RM 15,000
Zon Timur	Kelantan, Terengganu & Pahang	RM 15,000
Zon Selatan	Johor	RM 15,000
Sabah & Sarawak	Sabah, Labuan & Sarawak (<i>Tertakluk kepada pertimbangan khas</i>)	RM 15,000

b) Syarat Penyaluran Dana

- i) Peruntukan ini disalurkan khusus untuk membiayai kos pengoperasian projek khidmat komuniti yang telah mendapat kelulusan daripada pihak **UMCares**.
- ii) Warga UM (Pelajar/Staf) digalakkan untuk mencari sumbangan tambahan daripada rakan strategik (pihak luar/NGO/Sektor Swasta) untuk meningkatkan impak projek.

c) Tatacara Kewangan

- i) **Kepatuhan:** Semua perbelanjaan mestilah mematuhi sepenuhnya **Tatacara Kewangan** yang telah ditetapkan oleh Pejabat Bendahari Universiti Malaya.
- ii) **Tuntutan:** Sebarang tuntutan, bayaran balik, atau perbelanjaan yang tidak mengikut prosedur atau tanpa dokumen sokongan yang sah (resit/invois) tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran.
- iii) **Audit:** Laporan kewangan yang ringkas dan padat mestilah disertakan bersama laporan akhir projek untuk tujuan pengauditan dan rekod UMCares.